

KAEDAH RAWATAN MEMBAGIH DI KAMPUNG PASIR MAS, KELANTAN

AZLINA MUSA

Universiti Malaysia Terengganu
azlinamusa@umt.edu.my

YUSMILAYATI YUNOS

Universiti Kebangsaan Malaysia
yusmila@ukm.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan perubatan tradisional Melayu yang berfokus terhadap kaedah rawatan membagih yang popular di Kampung Pasir Mas Kelantan. Kaedah rawatan membagih amat unik kerana tidak memerlukan sebarang peralatan muzik tradisional, tiada nyanyian serta tidak mempunyai persesembahan tarian. Proses rawatan membagih dijalankan di hadapan khalayak penonton yang memerlukan satu ruang kecil seperti ruang tamu. Kaedah rawatan ini melibatkan pengamal perubatan yan dikenali sebagai Tok Bagih dan pembantunya yang dikenali sebagai jurubangso. Makalah ini bertujuan meneliti upacara rawatan membagih untuk mengubati penyakit angin kejiwaan dan penyakit bukan angin kejiwaan. Di samping itu, makalah ini menjelaskan upacara ‘menyiruk’ penyakit yang ditanggung oleh pesakit. Data dan maklumat penulisan makalah ini diperoleh melalui kajian lapangan seperti pemerhatian turut serta, temu bual bersama Tok Bagih, jurubangso dan pesakit yang dirawat. Kajian kepustakaan turut dilakukan bagi memperoleh maklumat awal berkenaan tajuk ini. Dapatan penulisan ini menunjukkan berlaku proses menurun semasa rawatan dijalankan dan tok bageh memerlukan jurubangso sebagai pengantara rawatan. Penulisan ini juga mendapat terdapat beberapa bahan rawatan yang perlu disediakan oleh keluarga pesakit semasa rawatan dijalankan iaitu bertih, sirih pinang, kapur, buah pinang, air mentah, air mentah yang direndamkan dengan bedak sejuk, telur dadar, telur, pulut kuning semangat, beberapa biji pisang lemak manis, bunga melur, kemenyan, benang mentah, bedak sejuk, duit pengeras RM 2.25 sen, beras kunyit, bantal. Melalui pendokumentasian ini diharapkan kaedah rawatan secara membagih dapat diperkenalkan kepada masyarakat umum dan dapat menyumbang kepada bidang kajian perubatan tradisional masyarakat Melayu.

Kata kunci: jurubangso; membagih; menyiruk; penyakit angin kejiwaan; ritual

METHOD OF ‘MEMBAGIH’ TREATMENT AT PASIR MAS, KELANTAN

ABSTRACT

This paper discusses traditional Malay medicine that focuses on the popular method of treatment in Kampung Pasir Mas Kelantan. The treatment method is unique because it does not require any traditional musical instruments, no singing and no dance performances. The process of distributing treatment is carried out in front of audience who needs a small space

like a living room. This method of treatment involves medical practitioners known as Tok Bagih and his assistant known as the jurubangso. The paper is aimed at examining the treatment for the treatment of psychiatric diseases and non-psychiatric diseases. In addition, this paper describes the 'menyiruk' ceremony of the illness suffered by the patient. The data and information of this paper are obtained through field studies such as participating observations, interviews with members, nurses and patients treated. A library study was also conducted to obtain early information on this topic. The findings have shown that there was a séance process that had been taken place, whereby, tok bageh gained help from jurubangso as a mediator. This writing also found that some of the raw materials required by the family of the patients during treatment were roasted, betel nut, chalk, nut, raw water, raw water which was soaked with cold powder, omelet, eggs, sweet fat bananas, jasmine flowers, incense, raw yarn, cold powder, RM2.25 sen penalties, turmeric rice, pillows. Through this documentation it is hoped that the method of diverse treatment can be introduced to the general public and can contribute to the field of traditional Malay medicine research.

Keywords: jurubangso; 'membagih'; 'menyiruk'; psychiatric disease; ritual

PENGENALAN

Kelantan merupakan sebuah negeri yang kaya dengan bermacam rawatan tradisional warisan nenek moyang terdahulu yang masih lagi diamalkan oleh orang Melayu khususnya di peringkat kampung-kampung terpencil hingga sekarang seperti berubat secara bomoh, main teri, membagih, makyong. Walau bagaimanapun, penumpuan pengkajian ini ialah meneliti membagih sebagai satu teknik rawatan tradisional dalam usaha memulihkan semangat, mengusir makhluk halus dan menyembuhkan penyakit angkara angin kejiwaan dan penyakit angkara bukan angin kejiwaan.

Menurut Amran Kasimin (2006) yang menyatakan membagih merupakan suatu upacara ritual yang dilakukan untuk mengubati penyakit yang berkaitan dengan kuasa ghaib seperti rasukan, sakit jiwa, angin atau pun buatan orang. Selain itu, membagih berperanan mencari barang hilang dan penyakit akibat perbuatan makhluk ghaib dalam ritual. Sehubungan itu, bagih dilakukan untuk mengatasi masalah akibat kuasa ghaib. Hal ini demikian kerana, dalam kepercayaan orang Melayu yang masih beranggapan bahawa penyakit akibat gangguan kuasa ghaib adalah perlu diubati dengan kuasa ghaib juga dalam usaha melawan kuasa ghaib berkenaan. Justeru itu, membagih ialah upacara yang memohon bantuan kuasa ghaib untuk mengubati penyakit akibat perbuatan hantu jembalang yang menyebabkan seseorang itu sakit.

Sekiranya ditelitian, keunikan rawatan membagih di Kampung Pasir Mas ialah perubatan tradisional berkenaan tidak memerlukan sebarang peralatan muzik tradisional dan tiada nyanyian serta tidak mempunyai tarian sepertimana dalam rawatan main teri. Selain itu, persempahan membagih adalah dijalankan di hadapan khalayak penonton yang memerlukan satu ruang kecil seperti ruang tamu biasa. Selain itu, dalam persempahan membagih turut melibatkan Tok Bagih dan pembantunya yang dikenali sebagai jurubangso. Mereka merupakan golongan lelaki berusia yang mewarisi ilmu perubatan tradisional daripada arwah nenek moyang mereka yang berperanan dalam usaha membuang penyakit akibat gangguan hantu, jembalang yang menumpang pada tubuh pesakit.

Berkait dengan penyelidikan ini didapati daun pinang yang telah diikat dengan tali pastik selalunya dijadikan sebagai alat pembantu ritual kepada Tok Bagih sewaktu menyiruk (menilek) penyakit dan membuang penyakit dalam upacara tersebut. Membagih turut melibatkan upacara buka gelanggang dan upacara tutup gelanggang persempahan dengan irungan jampi mantera. Walau bagaimanapun, membagih merupakan rawatan tradisional

Melayu yang dipercayai paling berkesan mengubati penyakit angin kejiwaan yang sering kali di hadapi oleh masyarakat Melayu. Selain itu membagih memainkan peranan mengusir hantu, syaitan, mambang, jembalang yang menyebabkan seseorang jatuh sakit. Selain itu, pesakit yang sembuh dengan rawatan membagih perlu menjalankan upacara putus ubat sebagai menamatkan rawatan membagih antara Tok Bagih dengan pesakit dalam ritual perubatan tradisional Melayu.

ASAL USUL MEMBAGIH

Membagih merupakan perubatan tradisional Melayu yang masih lagi diamalkan oleh masyarakat Melayu di Kelantan khususnya memulihkan penyakit angin kejiwaan. Berkait dengan kawasan kajian, menurut Ibrahim Daud yang menyatakan asal usul membagih dipercayai diambil daripada peristiwa tiga orang sahabat yang masuk di dalam hutan untuk menuju ke bukit. Kemudian seorang sahabat telah sesat. Sehubungan itu, bomoh menggoncangkan daun pinang dalam usaha mencari sahabat mereka yang telah sesat. Setelah itu, mereka berjaya menemui sahabat yang hilang tersebut. Maka dari itulah, bermulanya rawatan membagih di kalangan masyarakat Melayu semenjak dulu dan kini.

Berkait dengan kajian yang dijalankan ini, temu bual bersama Din Tok Bagih pula menyatakan membagih merupakan sejenis persembahan tradisional orang Melayu yang terawal di Kelantan. Membagih berkesan bagi mengubati penyakit angin kejiwaan. Penyakit angin kejiwaan berkenaan dipercayai sering dihadapi oleh masyarakat Melayu sama ada kanak-kanak, dewasa atau pun orang tua. Membagih dipercayai rawatan tradisional bagi mengubati penyakit angin kejiwaan akibat gangguan hantu, syaitan atau jin jembalang yang menyebabkan seseorang jatuh sakit. Justeru itu, persembahan membagih dipercayai tidak melibatkan sebarang peralatan muzik tradisional. Namun begitu, membagih memerlukan jurubangso yang akan berbicara dengan Tok Bagih dalam membuang makhluk halus yang menyebabkan seseorang jatuh sakit.

Selain itu, menurut Din Tok Bagih yang menyatakan pada zaman dulu dipercayai terdapat petani yang berhuma padi telah jatuh sakit. Kemudiannya dipercayai bomoh mengambil beberapa daun pinang dalam usaha mengubati penyakit tersebut. Daun pinang yang diiringi bacaan jampi mantera akan digoncangkan pada seluruh badan petani yang baring terlantar sakit dalam usaha menghalau makhluk halus yang mengganggu pesakit akan kembali ke tempat asalnya. Setelah itu, penyakit yang ditanggung oleh petani kembali sembah. Maka dengan itu, rawatan berkenaan dikenali oleh orang Melayu sebagai membagih.

UPACARA RAWATAN MEMBAGIH DI KAMPUNG PASIR MAS

Rawatan membagih telah dijalankan di rumah pesakit di Kampung Pasir Mas, Kelantan. Berkait dengan kawasan kajian, upacara membagih tidak memerlukan pentas khas. Akan tetapi ia hanya memerlukan satu ruang kecil iaitu ruang tamu di rumah pesakit yang akan digunakan bagi rawatan mengubati penyakit. Sehubungan itu, kajian ini telah meneliti rawatan membagih telah dilakukan di ruang dalam rumah pesakit yang dijalankan pada waktu malam. Menurut Din Tok Bagih yang menyatakan, rawatan membagih boleh dijalankan sama ada di dalam rumah atau pun luar rumah. Walau bagaimanapun, ruang pentas untuk rawatan mestilah memadai untuk keselesaan Tok Bagih kerana upacara membagih selalunya melibatkan Tok Bagih mengatur gerak langkah pantas berdasarkan makhluk halus yang telah meresap ke dalam tubuh badan Tok Bagih dalam rawatan tersebut. Berdasarkan temu bual bersama Din Tok Bagih yang menyatakan bahawa penyakit yang ditanggung oleh pesakit terjadi kerana wujudnya ketidakseimbangan unsur tanah, air, api dan angin. Justeru itu,

apabila kekurangan atau pun kelebihan pada empat unsur berkenaan dalam tubuh badan akan menyebabkan seseorang itu boleh jatuh sakit.

Manakala Haron Daud (2001) menyatakan, kedudukan angin yang seimbang dengan unsur-unsur alam yang lain termasuk tanah, air dan api di dalam badan amat penting untuk kesihatan. Justeru itu unsur tanah dengan air mengimbangi sifat sejuk, air dengan angin mengimbangi sifat lembab, angin dengan api mengimbangi panas, api dengan tanah mengimbangi sifat kering dan setiap sifat tersebut hendaklah seimbang dalam tubuh badan. Sekiranya salah satu sifat itu adalah mengatasi yang lain maka keseimbangan badan seseorang akan menjadi kacau. Kekacauan ini akan mengakibatkan tubuh badan seseorang itu menjadi tidak sihat dan mudah untuk didatangi penyakit. Meskipun begitu, seseorang yang lemah semangat dan didatangi penyakit akibat gangguan makhluk halus boleh ikhtiar berubat dengan rawatan membagih.

Berkait dengan hal itu, sebagai menyempurnakan upacara membagih pada malam tersebut, penelitian di kawasan kajian ini mendapati beberapa keperluan asas akan disediakan oleh tuan rumah atau pun keluarga pesakit sebelum upacara membagih dijalankan. Keperluan asas berkenaan dipercayai sebagai memenuhi syarat perjanjian dengan hantu atau pun jembalang yang akan dibangkit dalam persembahan membagih tersebut. Kebiasaannya, sebelum berlangsungnya permainan membagih didapati Tok Bagih akan mengadap rumah pesakit bagi memberitahu keluarga pesakit tentang bahan-bahan yang perlu disediakan oleh keluarga pesakit dalam memenuhi permintaan pesakit untuk membagih tersebut. Hal ini demikian kerana, segala keperluan bahan dalam rawatan membagih adalah dipercayai disediakan oleh keluarga pesakit.

Berdasarkan penelitian ini, bahan-bahan yang telah disediakan oleh keluarga pesakit dalam rawatan membagih ialah terdiri daripada bertih, sirih pinang, kapur, buah pinang, air mentah, air mentah yang direndamkan dengan bedak sejuk, telur dadar, telur, pulut kuning semangat, beberapa biji pisang lemak manis, bunga melur, kemenyan, benang mentah, bedak sejuk, duit pengeras RM 2.25 sen, beras kunyit, bantal (Rajah 1 dan Rajah 2). Selain itu, membagih memerlukan daun pinang yang diikat dengan tali rafea atau pun tali plastik dan juga boleh diikat dengan jerami upih pinang. Walau bagaimanapun, bahan yang diperbuat daripada besi adalah tidak boleh digunakan untuk mengikat daun pinang kerana dipercayai ia akan menyebabkan makhluk ghaib yang dipanggil tidak akan datang dalam ritual pengubatan tersebut.

Selain itu juga, kesemua bahan dalam upacara membagih mestilah diisikan ke dalam bekas kecil dan dihidangkan dalam dulang yang besar. Walau bagaimanapun, segala keperluan bahan-bahan dalam upacara membagih mestilah diambil daripada bahan yang elok, cantik dan diletakkan dalam sebiji pinggan yang elok. Hal ini demikian kerana, hantu jembalang dan keramat amat marah sekiranya bahan yang disediakan tidak baik dan pinggan yang digunakan untuk membagih sumbing, retak atau pun pecah kerana ia telah memperlihatkan tidak adanya penghormatan kepada makhluk halus tadi lalu menyebabkan makhluk ghaib berkenaan dipercayai tidak akan datang apabila diseru dalam ritual. Walau bagaimanapun, dalam pengubatan tradisional Melayu beranggapan bahawa setiap bahan-bahan yang disediakan adalah untuk memudahkan urusan membagih dalam usaha memanggil makhluk ghaib agar turut serta dalam ritual tersebut. Menurut Din Tok Bagih yang menyatakan penggunaan pulut kuning dalam upacara membagih dipercayai sebagai makanan kegemaran makhluk ghaib. Menurut Syed Ahmad Jamal (2010) yang menyatakan, tukang tilik Melayu beranggapan bahawa taraf warna kuning ialah paling baik.

Setelah keperluan bahan-bahan sempurna kemudiannya Tok Bagih dan jurubangso akan datang ke rumah pesakit dalam usaha mereka membantu mengubati penyakit angin kejiwaan yang ditanggung oleh pesakit. Walau bagaimanapun, penelitian pengkajian ini

mendapati dalam rawatan membagih tidak melibatkan pembawaan sebarang peralatan muzik tradisional dan tidak melibatkan ramai pemain sepetimana dalam rawatan main teri. Hal ini demikian menyebabkan rawatan membagih adalah bayarannya lebih murah berbanding dengan rawatan main teri. Hal ini demikian kerana, penelitian di kawasan kajian membagih hanya melibatkan dua orang iaitu jongbangso atau disebut jongbaso atau jurubangso atau pun disebut sebagai tok mindok mahu pun dikenali sebagai jurucakap dalam ritual. Malahan turut melibatkan Tok Bagih atau dikenali sebagai juru bagih tanpa memerlukan sebarang peralatan muzik tradisional dengan irungan jampi mantera. Oleh itu, setiap pesakit yang terdiri masyarakat kampung yang berpendapatan rendah adalah berkemampuan untuk mendapatkan rawatan memulihkan semangat dan mengubati angin kejiwaan dengan cara membagih.

Temu bual bersama Din Tok Bagih (2014) yang menyatakan, pada masa dulu apabila seseorang terlantar sakit berbulan lamanya dipercayai keluarga pesakit akan memilih ikhtiar terlebih dahulu dengan membagih. Hal ini demikian kerana, membagih adalah rawatan pengubatannya murah daripada main teri. Lazimnya, pembayaran membagih adalah bergantung mengikut pemberian oleh keluarga pesakit. Disebabkan bayaran rawatannya yang murah menyebabkan persembahan membagih mampu ditunaikan oleh keluarga pesakit dalam memulihkan semangat pesakit dan mengubati penyakit angin kejiwaan yang ditanggung pesakit. Sekiranya pesakit jijok angin dengan persembahan berkenaan dipercayai boleh sembah semula dengan hanya rawatan membagih sahaja. Walau bagaimanapun, setelah pesakit dirawat dengan membagih namun begitu, Tok Bagih masih meneliti bahawa pesakit mempunyai suatu keinginan atau pun kehendak penyakit angin yang lebih tinggi seperti angin makyong, angin wayang kemudian Tok Bagih akan memberi pula saranan kepada keluarga pesakit agar dipulihkan penyakit angin yang ditanggung oleh pesakit dengan rawatan main teri yang diiringi dengan alat muzik tradisional, tarian dan nyanyian sebagai pelepas angin pesakit. Kelazimannya rawatan membagih hanya melibatkan Tok Bagih, jurubangso dan pesakit di hadapan khalayak penonton dalam ritual tersebut.

Berkait dengan kawasan kajian, upacara membagih telah dijalankan pada waktu malam yang bermula pada jam 8.45 malam. Berdasarkan pengamatan pengkajian ini didapati upacara membagih hanya mengenakan pakaian biasa seperti kain pelikat, baju dan kain batik lepas. Kebiasaannya Tok Bagih akan mengenakan dua helai kain lepas untuk mengemaskan ikatan kain di pinggangnya. Ini adalah untuk menyenangkan Tok Bagih bergerak pantas kerana dalam rawatan membagih memerlukan pergerakan yang kuat dan lasak adalah mengikut makhluk ghaib yang telah meresap masuk ke dalam tubuh badan Tok Bagih dalam rawatan tersebut. Selain itu, kain lepas turut digunakan sebagai pengikat pada bahagian kepala Tok Bagih. Sehubungan itu, kain lepas yang diikat di kepala pula adalah untuk memastikan kekemasan rambut dan memberi keselesaan mengatur gerak langkah kepada Tok Bagih dalam usaha berhadapan makhluk ghaib yang agresif dan degil. Seeloknya, kain lepas yang digunakan dalam rawatan membagih ialah memilih kain berwarna kuning. Hal ini demikian kerana, warna kuning dipercayai sebagai kesukaan makhluk ghaib.



RAJAH 1. Bahan-bahan Membagih



RAJAH 2. Peralatan Membagih

Jika diteliti dalam rawatan membagih didapati Tok Bagih merupakan orang yang mengalami situasi lupa (menurun) dan menjalankan tugas menilik serta mengubat pesakit. Tok Bagih adalah dianggap sebagai orang yang bertanggungjawab untuk menyiruk penyakit. Menyiruk dalam pengubatan membagih ialah menghisap atau pun menyedut keluar segala jenis-jenis penyakit yang ditanggung oleh pesakit. Selain itu menyiruk ialah membuang penyakit angin atau penyakit akibat perbuatan makhluk halus yang telah menyebabkan seseorang itu berada dalam keadaan yang tidak sihat. Ismail Hamid (1991), dalam upacara menurun akan membuatkan diri seseorang itu berada dalam keadaan tidak sedar. Selain daripada itu, suara yang keluar daripada mulut bomoh yang menurun itu adalah suara roh

yang wujud dalam tubuh badannya. Suara roh itu juga yang akan memberikan jawapan kepada semua pertanyaan mengenai penyakit yang ditanggung oleh pesakit.

Dalam situasi lupa (menurun), kebiasaannya Tok Bagih tidak lagi berada dalam keadaannya yang sebenar atau pun biasa akan tetapi Tok Bagih telah berada ke alam makhluk ghaib. Situasi ini terjadi kerana, makhluk ghaib yang diseru dalam ritual telah meresap masuk ke dalam tubuh badan Tok Bagih. Situasi lupa (menurun) yang dihadapi Tok Bagih apabila Tok Bagih akan mengiling-gilingkan kepalanya. Pada mulanya Tok Bagih mengeleng-gelangkan kepalanya perlahan akan tetapi semakin lama semakin kuat. Proses lupa ini akan menurun kembali apabila Tok Bagih kembali mengadap dan berbicara dengan jurubangso.



RAJAH 3. Tok Bagih Mengadap dan Berbicara dengan Jurubangso

Menurut Din Tok Bagih (2014), membagih adalah mujarab untuk mengubati penyakit angin kejiwaan. Selain itu, rawatan membagih ke atas pesakit dapat dijalankan pada setiap hari kecuali persembahan rawatan tidak boleh dilakukan pada malam Jumaat. Pada malam Jumaat merupakan malam mereka beramal dan mendekatkan diri dengan alam ghaib. Malahan rawatan membagih boleh dijalankan pada waktu siang atau pun waktu malam. Namun begitu, rawatan membagih adalah lebih berkesan dijalankan pada waktu malam hari. Hal ini demikian kerana malam merupakan waktu makhluk ghaib berkeliaran. Di samping itu ubatan yang diambil pada waktu malam akan cepat bertindak balas dan menentang penyakit yang dihadapi pesakit.

Selain itu, Din Tok Bagih menerangkan bahawa rawatan membagih tidak sesuai dijalankan pada waktu tengahari. Hal ini demikian kerana, pada waktu tengahari menyebabkan tidak mujarab ubatan yang diberikan kepada pesakit. Sekiranya seseorang itu, mengambil rawatan pada waktu tengahari dipercayai ubatan yang diambil tidak akan meninggalkan kesan atau pun tidak mampu mengubati penyakit angin kejiwaan.

Haron Daud (2001) yang menyatakan, setiap orang dikatakan mempunyai keinginan atau kehendak yang tidak terbatas dan ia berusaha seboleh mungkin untuk memenuhi

kehendak tersebut. Dalam pada itu juga ada kehendak nafsu yang mesti dipenuhi kerana kegagalan memenuhinya telah mengakibatkan badan dan jiwa orang itu tidak sihat. Justeru itu, jika dibiarkan lebih lama orang berkenaan akan menjadi benar-benar sakit sehingga tidak dapat bangun. Selain itu penyakit angin kejiwaan lazimnya diwarisi secara turun temurun dalam satu keluarga kerana itulah ia dikenali sebagai penyakit angin pusaka. Selain itu, dipercayai terdapat seratus sembilan puluh penyakit. Walau bagaimanapun, pengubatan membagih berkesan dalam mengubati penyakit angin angkara hantu, jembalang. Sehubungan itu, rawatan tradisional yang sesuai diberikan ke atas penyakit angin kejiwaan ialah melibatkan ritual membagih.

Berdasarkan pengamatan kajian telah mendapati rawatan pengubatan penyakit dengan cara membagih adalah jurubangso akan membaca jampi mantera dengan meletakkan bantal sebagai perantara antara jurubangso dan Tok Bagih (Rajah 3). Menurut Din Tok Bagih menyatakan, penggunaan bantal dalam rawatan membagih berperanan sebagai pemisah antara jurubangso dan Tok Bagih di alam ghaib. Disamping itu, jurubongso memainkan peranan sebagai pembantu malahan bertindak sebagai orang tengah antara Tok Bagih dan pesakit. Malahan sekiranya makhluk ghaib kuat hingga menyebabkan Tok Bagih tidak sedar diri (lupa) maka jurubangso yang akan bertanggungjawab dalam memulihkan Tok Bagih agar kembali semula ke alam nyata dalam ritual membagih.

Berkait dengan penulisan ini, penelitian mendapati dalam rawatan membagih kelihatan Tok Bagih akan duduk secara bersila di tengah antara jurubangso dan pesakit (Rajah 4). Terlebih dahulu, Tok Bagih akan mempersiapkan semua bahan-bahan rawatan dengan asap kemenyan dengan irungan jampi mantera (Rajah 5). Di samping itu, Tok Bagih juga mempersiapkan kemenyan pada tangannya kemudiannya di raut pada wajah beberapa kali dengan irungan jampi mantera. Selain itu, Tok Bagih akan memagar gelanggang permainan dengan menabur bertih dan beras kunyit yang ditabur empat penjuru dengan irungan jampi mantera. Sehubungan itu, dalam upacara ini meneliti Tok Bagih yang akan membaca jampi mantera sambil menghempas beras kunyit ke lantai pentas dan menaburkannya ke seluruh ruang persesembahan melalui kiri kanan bahunya.

Menabur bertih dan beras kunyit dipercayai untuk memagar kawasan persembahan, memohon keberkatan upacara pada malam tersebut agar berjalan dengan lancar dan melindungi khalayak penonton yang terdiri kanak-kanak, remaja, dewasa dan orang tua daripada dirasuk atau pun menerima gangguan makhluk halus yang tidak diingini. Sabri Mohd. Zin (1997) yang menyatakan, upacara buka panggung ritual adalah berfungsi untuk memanggil dan menambat minat penonton agar menonton persembahan dari awal hingga akhir. Di samping untuk menjaga keselamatan anggota pemainnya daripada ditimpah bahaya yang kemungkinan akan datang secara tiba-tiba. Sehubungan itu, izin atau pun persetujuan bagi memulakan persembahan adalah perlu dipohon daripada pihak berkuasa khususnya semangat ghaib atau pun makhluk halus yang dikenali sebagai penunggu atau pun penggawa yang mungkin berada di sekitar tempat persembahan.



RAJAH 4. Persembahan Upacara Membagih



RAJAH 5. Tok Bagih Memperasapkan Bahan-bahan Sebelum Upacara

Selain itu, upacara membagih diiringi dengan pembacaan jampi mantera oleh jurubangso yang bertujuan untuk memanggil makhluk ghaib yang ada di bukit, di laut, di bumi, di hutan, di kampung dan di huma agar turun datang ke tempat persembahan membagih yang akan dilakukan tersebut. Justeru itu, jampi mantera yang dibacakan oleh jurubangso dalam membagih adalah seperti berikut:

Bismillahirrahmanirrahim

Ya Hu Mikael, Israel, Israfil

Ya Hu Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali

44 jaga kiri

44 jaga kanan

44 jaga atas

44 jaga bawah

44 jaga hadapan

Hantu bukit, jin bukit

Jembalang bukit

Aku angkat asal usulmu

Aku minta siak darimu

Minta berkat Nenek Si Bentara Guru

Angkat dari segala sekali

Dengan berkat Laillahaillah Muhammadar Rasulullah (Ibrahim Daud, 2014)

Justeru itu, sekalian makhluk ghaib yang diseru dipercayai akan datang menghadap Tok Bagih dan disuruh masuk meresap ke dalam tubuh badan Tok Bagih. Selain itu, Tok Bagih juga akan menilik penyakit pada tubuh pesakit dengan memegang upih pinang sambil menabur bertih dan beras kunyit kepada empat penjuru yang mewakili tanah, air, api dan angin. Daripada tiliakan itu, telah membantu Tok Bagih tentang penyakit yang ditanggung pesakit. Selain itu, jurubangso memainkan peranan sebagai jurucakap dengan Tok Bagih sewaktu Tok Bagih dalam situasi menurun (lupa) dalam ritual tersebut.

Di samping itu, penelitian kajian mendapati upacara pembacaan jampi mantera turut dilakukan dalam upacara angkat dalam ritual pengubatan. Sehubungan itu, upacara angkat yang dilakukan oleh jurubangso dalam membagih ialah memainkan peranan untuk memanggil atau pun membangkit asal usul semua jenis hantu yang berada di bukit bakau, laut, tanah, hutan yang datang ke tempat membagih tersebut. Justeru itu, jampi mantera berkenaan adalah seperti berikut:

Wahai

Sekalian gawa-gawa

Jaga biar molek

Bahawasanya

Kerana seluruh penghuni atas dan bawah

Penghuni lautan dan daratan, bukit, gunung, hutan

Asalnya titih saka

Jatuh pada malam ini

Jaga seorang biar jaga semua

Dengan berkat Laillahaillah Muhammadar Rasulullah (Ibrahim Daud, 2014)

Setelah itu, hantu dijemput untuk mengadap Tok Bagih dan kemudiannya akan diperkenankan dengan membuat permohonan secara bergilir-gilir. Pada peringkat inilah, pengkajian mendapati bahawa Tok Bagih yang menghadapi situasi menurun (lupa) akan beraksi sebagai hantu berkenaan iaitu dari cara bercakap, berjalan serta sikap Tok Bagih di hadapan jurubangso dalam ritual. Hal ini demikian kerana, Tok Bagih yang mengalami menurun dipercayai telah menerima resapan makhluk ghaib yang menguasai dan mengawal segala gerak laku tubuh badan Tok Bagih. Hal ini disebabkan, pada ketika ini Tok Bagih adalah berada dalam keadaan menurun (lupa) di hadapan jurubangso dan pesakit. Menurut

Jahid Sidek (2004: 113) yang menyatakan, amalan menurun dikenali dengan pelbagai istilah lain iaitu keturun, kerasuk, kemasukan dan keresapan sahabat ghaib yang akan meresap masuk ke dalam tubuh badan bomoh tersebut lalu menguasai roh, akal, ingatan dan seluruh anggota tubuh badannya sewaktu mengubati pesakit.

Kemudiannya jampi mantera bangkit angin akan dibacakan oleh (jurubangso) yang duduk secara bersila di hadapan Tok Bagih dan pesakit. Penyakit angin kejiwaan akan menyebabkan Tok Bagih yang dalam keadaan menurun (lupa) akan bangkit mengatur gerak langkah pantas di hadapan pesakit tanpa irungan alat muzik tradisional. Selain itu, jurubangso juga akan mengajukan pertanyaan kepada Tok Bagih yang mengalami situasi lupa (menurun) tentang penyakit yang dihadapi oleh pesakit. Tok Bagih yang dalam keadaan menurun kerana makhluk ghaib telah meresap dalam tubuh badannya. Ketika terjadinya penurunan ini, Tok Bagih akan mendekati pesakit yang terlantar sakit baring di hadapan Tok Bagih. Sehubungan itu Tok Bagih akan menyiruk penyakit serta mengibas daun pinang pada badan pesakit berulang kali dari hujung rambut, badan hingga hujung kaki pesakit. Daun pinang digoncang pada seluruh badan pesakit adalah bertujuan untuk menghalau atau mengusir hantu dan syaitan yang mengganggu pesakit.

Justeru itu, penelitian pengkajian telah mendapati daun pinang (Rajah 6) dijadikan sebagai alat pembantu ritual kepada Tok Bagih dalam usaha mengubati pesakit. Kadang kala Tok Bagih akan merenjiskan daun pinang dengan air mentah yang direndamkan dengan bunga melur dalam usaha mengesan penyakit yang ditanggung oleh pesakit. Proses ini dilakukan secara berulang kali oleh Tok Bagih sehinggalah Tok Bagih berkeupayaan membangkitkan angin pesakit dalam rawatan membagih. Justeru itu, pesakit yang *jijok angin* dalam keadaan baring terlantar dipercayai berkeupayaan bangkit semula dan sembuh dengan hanya rawatan membagih.



RAJAH 6. Tok Bagih dan Daun Pinang dalam Rawatan

Selain itu, ketika makhluk ghaib datang meresap ke dalam tubuh badan Tok Bagih menyebabkan Tok Bagih akan melakukan pelbagai aksi yang menurut perilaku makhluk ghaib yang telah meresap dalam tubuh badannya. Berdasarkan pengamatan pengkajian

didapati cara bertutur, berjalan, melompat, menari dan sebagainya adalah diperlakukan oleh Tok Bagih. Hal ini demikian kerana, sekiranya makhluk ghaib berkenaan itu suka berlari atau menari atau pun suka menggaru lantai menyebabkan Tok Bagih akan turut berkelakuan sedemikian rupa. Begitu juga sekiranya hantu itu berjalan senget sambil ketawa menyebabkan Tok Bagih akan menurut kelakuan sedemikian rupa. Hal ini demikian kerana, pada ketika itu jasad Tok Bagih merupakan sarung yang tidak berfungsi dan tidak mempunyai ikhtiar untuk mengawal segala pergerakannya kerana Tok Bagih berada dalam keadaan menurun dan dikuasai oleh makhluk ghaib yang telah meresap dalam tubuh badannya.

Di samping itu, Tok Bagih akan menghadap jurubangso ketika hantu yang diseru meresap ke dalam tubuh badannya. Tok Bagih yang diresap oleh makhluk halus sering kali berada dalam keadaan tercungap-cungap dan memberitahu namanya iaitu nama hantu yang telah menyerap masuk ke dalam tubuh badannya. Kebiasaannya hantu ini akan menggunakan nama samaran sebagai ganti namanya yang sebenar. Didapati ganti nama hantu raya yang digunakan oleh Tok Bagih ialah Raja Muda Mahmud Semalim Raya, Seraya Merah, Seraya Kuning, Seraya Putih Gerobak Tunggal dan Seraya Hitam. Manakala bagi ganti nama hantu pari pula ialah Angkatan Tuan Puteri Tujuh, Awang Hitam Setapuk Tunggal dan Awang Keli Bana. Sementara itu nama hantu hala ialah diganti dengan Mok Rimau Besar dan Hala Tujuh Beradik. Ganti nama hantu litar ialah Jin Kuning Kilat Melayang dan Awang Tepak Bergelang Besi manakala bagi jin tanah ialah diganti dengan nama Anak Bumi Jembalang atau pun Anak Boto Empat. Demikianlah terus menerus yang berlaku oleh Tok Bagih yang dalam situasi menurun (*lupa*) dalam upacara membagi berkenaan.

Selain itu, hasil resapan makhluk ghaib berkenaan menyebabkan Tok Bagih terpaksa menukar perwatakannya beberapa kali iaitu mengikut perwatakan hantu-hantu tersebut sehingga hantu yang bertanggungjawab dijumpai oleh Tok Bagih yang menurun dipercayai telah berada di alam ghaib dalam ritual tersebut. Apabila hantu berkenaan dijumpai kemudiannya jongbangso akan membuat suatu permohonan supaya hantu berkenaan keluar daripada tubuh badan pesakit dengan bacaan jampi mantera. Menurut Abdul Basir Haji Mohamad (1999) yang menyatakan, jampi mantera ialah menyebut dengan suara deras (*nyaring*) dengan kata-kata tertentu kerana mencerca atau pun menghalau hantu syaitan atau menawarkan penyakit rohani mahu pun dibacakan oleh bomoh, dukun atau pun pawang ketika mengubat dan menghalau hantu syaitan daripada mengganggu keadaan pesakit.

Berkait dengan kajian ini pada masa yang sama juga, Tok Bagih akan mendekati pesakit yang baring terlantar dan kemudiannya Tok Bagih akan menjalankan upacara selam iaitu menyedut keluar semangat hantu yang telah mengganggu pesakit (Rajah 7). Justeru itu, dalam upacara menyelam pula didapati tubuh badan pesakit yang selalunya menjadi tempat sasaran Tok Bagih ialah dahi, perut, paha dan kaki yang dipercayai sebagai tempat hantu-hantu itu berada dan menumpang dalam tubuh badan pesakit. Setelah itu, Tok Bagih akan kembali mengadap dan berbicara dengan jurubangso.

Selain itu, ketika Tok Bagih dalam keadaan tidak sedarkan diri kerana tubuh badannya diresapi oleh makhluk ghaib yang mengganggu pesakit kemudiannya jongbangso akan berdialog dengan Tok Bagih. Hal ini demikian kerana, jongbangso adalah bertindak mewakili pesakit dan akan mengemukakan pertanyaan tentang nama, sebab dia datang mengganggu pesakit, di mana tempat tinggal di dalam tubuh badan pesakit sama ada di bahagian kepala, perut, jantung, betis, kaki dan sebagainya yang akan diajukan pertanyaan oleh jongbangso kepada makhluk ghaib berkenaan. Justeru itu, jurubangso pula akan mengajukan pertanyaan kepada Tok Bagih yang lupa (menurun) sepertimana berikut:

*Atas anak adam yang seorang ini
Minta biar pulih seperti sedia kala
Adat orang purba mula
Nasi kunyit, pulut kuning, dadar dan bertih
Sampai masa sampai ketikanya
Adalah ganjaran yang wajar upahan sajian
Kalau hayat hok mana
Kalau saka hok mana
Kalau keramat hok mana
Keramat titih arwah saka mana
Keramat titih mana
Atas sifat tubuh anak adam
Dengan berkat Laillahaillah
Muhammadar Rasulullah (Ibrahim Daud, 2014)*

Akhirnya jongbangso akan memujuk hantu yang meresap ke dalam tubuh Tok Bagih agar keluar dan tidak mengganggu keadaan pesakit lagi. Tok Bagih yang ketika itu adalah dikuasi oleh hantu berkenaan dipercayai akan mengenakan syarat-syarat tertentu. Justeru itu, dialog akan berterusan sehingga salah satu perjanjian akan dicapai dan hantu berkenaan akan meninggalkan jasad pesakit lalu membolehkannya pesakit sembuh dan meneruskan kehidupan seperti sedia kala. Walau bagaimanapun, proses lupa dan sedar yang dialami oleh Tok Bagih adalah bergantung pada bilangan hantu atau pun gawa yang telah meresap masuk ke dalam tubuh badannya.

Setelah itu, satu perjanjian akan dibuat oleh jongbangso bagi mewakili pesakit dan Tok Bagih pula yang mewakili hantu berkenaan. Apabila selesai dialog antara Tok Bagih dan jurubangso kemudiannya upacara selam akan dilakukan sekali lagi bagi menandakan bahawa tamatnya upacara membagih pada malam itu. Selain itu, segala persetujuan yang dicapai seperti mengadakan ayam panggang, kuih muih, rokok, sirih pinang dan sebagainya akan diusahakan setelah pesakit yang dirawat tadi sembuh.

Berkait dengan kawasan kajian yang dijalankan, upacara membagih pada malam tersebut akan dihentikan pada jam 2.00 pagi. Kemudianya upacara membagih akan bersambung pula pada malam seterusnya dalam masa tiga malam sehingga pesakit yang dirawat kembali sembuh seperti sedia kala. Menurut Din Tok Bagih (2014) yang menyatakan bahawa sikap makhluk ghaib yang degil dan agresif menyebabkan paling lama upacara membagih dijalankan untuk merawat pesakit ialah memerlukan masa selama tujuh malam malahan sehingga empat puluh hari empat puluh malam.

Oleh itu, upacara tutup gelanggang persembahan membagih ialah jurubangso akan membaca jampi mantera. Selain itu, Tok Bagih juga akan menghantar makhluk ghaib agar kembali ke tempat asalnya. Sekiranya terdapat sekung rasi iaitu keserasian antara Tok Bagih dengan pesakit menyebabkan penyakit sembuh dan sihat seperti sedia kala. Menurut Amran Kasimin (2006) yang menyatakan, setelah tamat upacara bagih kemudian telur akan dipecahan dan dimasukkan ke dalam pinggan, dikacau dengan sudu atau pun jari. Sekiranya kuning telur menjadi cair ialah bererti bahawa sakit itu dipercayai berpunca daripada hantu raya. Kalau ia terasa hangat bererti sakit berpunca daripada hantu litar. Sekiranya beku ialah sakit itu dipercayai berpunca daripada hantu bukit dan sekiranya kuning telur berpusar pula ialah bererti bahawa sakit itu adalah berpunca daripada gangguan hantu air.

Disamping itu, Din Tok Bagih (2014) menyatakan bahawa setiap pesakit yang telah sembuh berubat dengan rawatan membagih perlu melalui upacara putus ubat. Upacara berkenaan yang memerlukan limau tujuh jenis yang di ambil daripada pokok berbeza, tujuh

jenis air diambil daripada tempat berbeza seperti air telaga, air kolah, air sungai, air embun, air bukit, air gunung, air hujan dan bunga tujuh jenis yang mestilah bunga yang elok dan berbau wangi. Selain itu, bahan berkenaan akan dicampur ke dalam satu bekas. Setelah itu diambil pula nyalaan lilin kemudiannya titik lilin dalam bekas berkenaan. Justeru itu, akan dilakukan pula upacara memandikan pesakit dengan air berkenaan yang dicampurkan dengan air biasa dan menggunakan buah limau untuk menggosok tubuh badan pesakit. Upacara memandikan pesakit dengan campuran air itu adalah dipercayai sebagai untuk membuang penyakit. Din Tok Bagih (2014) juga menyatakan bahawa penyediaan tujuh perkara berkenaan kerana kepercayaan adanya tujuh anggota penting dalam tubuh badan manusia.

MEMBAGIH DARI PERSPEKTIF ISLAM

Sesungguhnya dalam Islam itu menyuruh umat manusia berubat dan mengubat apabila menghadapi penyakit angin kejiwaan atau pun penyakit luaran (fizikal). Hal ini demikian kerana, Islam menggalakkan manusia agar segera berubat apabila menghadapi situasi sakit dan melakukan ikhtiar memilih ubat yang mempunyai keserasian dengan jenis penyakit dalam menyembuhkan penyakit yang ditanggung tersebut.

Sekiranya ditelitian rawatan membagih ke atas pesakit yang melibatkan upacara berjamu dan memperasapkan kemenyan serta memohon bantuan makhluk ghaib dengan irungan jampi mantera dalam usaha menghalau makhluk ghaib dan mengubati penyakit angkara kuasa ghaib adalah tidak dibenarkan dalam Islam. Hal ini demikian kerana, membagih yang melibatkan bantuan makhluk ghaib atau pun membangkitkan asal usul roh nenek moyang mereka dalam ritual adalah syirik dalam Islam. Menurut Rosmawati Ali@Mat Zin (2010) yang menyatakan syirik ialah menjadikan makhluk selain daripada Allah S.W.T sebagai tuhan yang disembah dan ditaati. Selain itu syirik kerana seseorang telah menyekutukan Allah S.W.T dengan mempercayai akan kewujudan tuhan selain daripada Allah S.W.T seperti menyembah pokok dan memohon hajat di kubur para wali. Begitu juga apabila seseorang mempercayai kekuasaan jampi mantera yang menyembuhkan penyakit adalah tidak dibenarkan dalam Islam penggunaan jampi mantera sedemikian. Selain itu, dalam perubatan tradisional meneliti adanya bantuan makhluk ghaib sama ada jin atau pun syaitan adalah tidak dibenarkan dalam Islam kerana ia merupakan musuh ketat manusia.

Walau bagaimanapun, mengubati penyakit dengan perubatan tradisional Melayu khususnya membagih dalam menyembuhkan penyakit angin kejiwaan merupakan suatu ikhtiar pesakit setelah bertungkus lumus berusaha mencari penawar yang benar-benar mempunyai sekung rasi antara penyakit dan ubatnya. Sekiranya penyakit yang ditanggung oleh pesakit yang terlantar jatuh sakit berbulan lamanya dipercayai kembali sembah dengan rawatan membagih maka pesakit haruslah beranggapan bahawa penyakit yang dideritai sihat seperti sedia kala kerana permohonan pesakit itu telah termakbul dan telah mendapat keberkatan serta keizinan yang diberikan oleh Allah S.W.T.

KESIMPULAN

Membagih merupakan kaedah rawatan perubatan tradisional Melayu yang popular semenjak zaman nenek moyang dan masih lagi dijalankan oleh masyarakat Melayu di Kampung Pasir Mas, Kelantan. Kaedah ini dipercayai oleh masyarakat Melayu di Kampung Pasir Mas, Kelantan berkesan dalam menyembuhkan penyakit angin kejiwaan. Keadaan ini menyebabkan rawatan berkenaan terus mendapat sambutan sejak dulu hingga kini. Kebiasaannya, melalui kaedah ini semangat pesakit akan dipulihkan terlebih dahulu. Sebaik

sahaja pesakit selesai menerima rawatan secara membagih, pesakit dipercayai berkeupayaan sihat dan menjalankan rutin pekerjaan sehari-hari seperti sedia kala.

RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim. 2006. *Analisis Bahasa dalam Kitab Tib Pontianak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Basir Haji Mohamad. 1999. *Amalan Sihir dan Ayat-Ayat Al-Quran Perbezaannya Serta Kesannya terhadap Amalan Perubatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Amran Kasimin. 2006. *Unsur-unsur Menurun dalam Persembahan Teater Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlina Musa & Yusmilayati Yunos. 2011 Simptom-Simptom Penyakit dalam Main Teri: Satu Kajian Kes di Kampung Pasir Mas, Kelantan. *Jurnal Melayu* 8: 233-249.
- Azlina Musa & Yusmilayati Yunos. 2013. Bomoh Nombor Ekor: Satu Kajian Kes di Daerah Pasir Mas Kelantan. *Jurnal Melayu* 11: 110-122.
- Din Mahmud. 2014. Tok Bagih dan rawatan membagih. Temu bual, 25 April.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. 1980. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud. 2001. *Mantera Melayu Analisis Pemikiran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ibrahim Daud. 2014. Rawatan Membagih. Temu bual, 10 Mei.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jahid Sidek. 2004. *Berpawang dan Bersahabat dengan Jin daripada Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mat Dereham. 2014. Proses Rawatan Membagih. Temu bual, 15 Februari.
- Omar Kenik. 2014. Proses Rawatan Membagih. Temu bual, 16 Jun.
- Rashid Ismail. 2014. Rawatan Membagih. Temu bual. 20 Julai.
- Rosmawati Ali@ Mat Zin. 2010. *Syirik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabri Mohd. Zin. 1997. Mak Yong ritual dan hiburan. *Dewan Budaya* Januari: 3-5.
- Syed Ahmad Jamal. 2010. *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ramli Wan Mohamad. 1998. Daud Tuk Bageh tersohor. *Dewan Budaya* Mac 2(1): 30-31.
- Yaacob Harun. 2001. *Kosmologi Melayu*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.

Biodata Penulis

Azlina Musa

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Terengganu. Bidang kajian beliau meliputi keris perubatan dan perubatan tradisional Melayu.

Yusmilayati Yunos

Penulis merupakan Pensyarah Kanan dalam bidang kebudayaan Melayu di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan.